

11 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Pagi)

TUAN RUMAH HUBUNGI TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA UNTUK PENGESAHAN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Dr Ristina Majid, tuan rumah di mana Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar berselindung menghubungi Timbalan Ketua Polis Negara bagi mengesahkan kehadiran polis di rumahnya, mahkamah diberitahu hari ini.

Penolong Pengarah Pendakwaan dan Undang-undang di Jabatan Siasatan Jenayah ibu pejabat polis Bukit Aman, SAC I Musa Hassan berkata Dr Ristina menghubungi Tan Sri Norian Mai untuk pengesahan itu.

"Saya tahu Dr Ristina telah menelefon Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dan Tan Sri Norian mengesahkan bahawa saya adalah seorang pegawai polis dan meminta dia (Ristina) mengikuti permintaan saya," katanya.

Musa berkata demikian pada perbincangan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan, yang didakwa menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Musa, pegawai penyiasat dan penyelia kes itu merupakan saksi ke-13 pendakwaan, memberi keterangan pada hari ke-24 perbincangan. Beliau mula memberi keterangan semalam.

Semasa menjawab soalan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed, Musa berkata beliau mengetahui Dr Ristina menelefon Norian semasa berada di depan pintu bilik tidur utama tingkat atas rumah wanita itu di Jalan Medang Tanduk, Bangsar pada 17 Ogos 1997.

Ketika itu Dr Ristina menguncikan dirinya bersama dua anak dan pembantunya serta Ummi Hafilda dan Azizan dalam bilik tidur utama rumahnya.

"Saya berkomunikasi dengan Dr Ristina secara bercakap dengannya dari luar bilik itu di depan pintu," katanya yang sebelum itu menjelaskan bahawa beliau telah memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis.

"Pada mulanya Dr Ristina tidak percaya yang kami polis dan dia menyatakan bahawa dia curiga kerana dua tiga hari sebelum itu dia bersama Ummi Hafilda dan Azizan sentiasa diekori oleh orang yang beliau tidak kenal," katanya.

Musa berkata sebelum itu beliau menerima panggilan telefon daripada ACP Mazlan Mohd Din dari cawangan khas pada pukul 8.30 malam yang menyatakan bahawa beliau menghadapi masalah semasa hendak memasuki rumah Dr Ristina dan memintanya datang ke rumah berkenaan.

Beliau berkata masalah yang diberitahu Mazlan ialah penghuni tidak mahu membuka pintu rumah bagi membenarkan polis memasuki rumah itu untuk menangkap Ummi Hafilda dan Azizan yang diketahui berada dalam rumah berkenaan.

Ummi Hafilda merupakan penulis surat Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disertakan bersama surat pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar yang mendakwa diliwat Anwar.

Azizan merupakan bekas pemandu Datin Seri Wan Azizah Ismail, isteri Anwar.

Musa berkata beliau tiba di rumah itu setengah jam kemudian dan diberitahu oleh Mazlan bahawa tuan rumah berkenaan mengunci diri bersama penghuni lain di dalam bilik.

Setelah Dr Ristina bersetuju mengikut arahnya, Musa berkata beliau

cuba membuka pintu bilik itu tetapi gagal kerana kuncinya tersekat akibat dibuka secara paksa oleh polis lain sebelum itu.

"Tukang kunci juga dipanggil tetapi gagal membukanya dan saya memberitahu Dr Ristina supaya keluar mengikut balkoni rumah itu," katanya.

Setelah mereka keluar, Ummi Hafilda dan Azizan ditangkap dan dibawa oleh pegawai cawangan khas ke Bukit Aman.

Semasa ditanya siapa lagi yang berada di rumah berkenaan ketika itu, Musa berkata bekas suami Dr Ristina berada di rumah itu semasa beliau sampai dan selepas beliau tiba, Datuk Jamil Johari (Pengarah Pengurusan Polis) tiba.

Sebelum itu Musa berkata setelah beliau menerima laporan ASP Zull Aznam Haron, pegawai pengiring Anwar mengenai surat layang bertajuk "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim", beliau mengarahkan ASP Zulkifli Mohamed menyiasat mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan.

Beliau memberi arahan itu semasa berada di bilik pengarah cawangan khas ketika itu Datuk Mohd Said Awang yang memberitahunya bahawa beliau mengetahui dua orang yang disyaki terlibat dengan surat itu dan pihak cawangan khas akan cuba mengesan mereka dan meminta satu pasukan polis CID membantu.

Katanya Mohd Said mengarahkan beliau supaya menyerahkan kedua-dua mereka kepada cawangan khas supaya dapat ditemuduga bagi mendapatkan risikan berkaitan surat itu.

Musa berkata pada 2 petang 17 Ogos 1997, beliau menerima panggilan telefon daripada Mazlan yang meminta pasukannya bersedia kerana berkemungkinan kedua-dua yang disyaki dapat dikesan dan akhirnya mereka dikesan di rumah Dr Ristina.

-- BERNAMA

NHD RON